

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSK 402 Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan dariapda setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Mengikut R.G. Collingwood, tugas utama seorang ahli sejarah ialah "menyerapkan fikirannya ke dalam tindakan (yang dikaji) itu, untuk mengecamkan pemikiran pelakunya".

Sejauh manakah anda bersetuju dengan gambaran Collingwood ini mengenai tugas ahli sejarah?

2. Pada pandangan E.H. Carr, ahli sejarah "tidak begitu tertarik dengan yang unik, tetapi dengan apa yang umum di dalam yang unik".

Justeru itu, bagi Carr, penjelasan sejarah tetap melibatkan penyeruluhan. Setujukah anda? Mengapa?

3. Ramai ahli sejarah mengakui bahawa di dalam sejarah tidak ada kesimpulan yang muktamad. Adakah pengakuan ini bermaksud bahawa sejarah bukan satu bidang ilmu yang objektif?

BAHAGIAN B

4. "... sejarah kini menyelidiki rahsia-rahsia masyarakat, bukan rahsia-rahsia negara". (F. Furet)

Apakah pada pandangan anda pensejarahan yang mengutamakan kajian "rahsia-rahsia masyarakat" telah menghasilkan sumbangan yang lebih kepada fahaman sejarah? (Anda boleh menjawab soalan ini dengan merujuk kepada sama ada aliran Marxis atau aliran Annales).

5. Mengikut R. Guha, kita boleh mencapai fahaman mengenai kesedaran golongan Subaltern walau pun menggunakan wacana yang dihasilkan oleh golongan elit kalau kita menggunakan kaedah analisa wacana yang terperinci dan canggih.

Bincangkan dan nilaikan kaedah analisa yang diterokai oleh aliran pensejarahan Subaltern.

6. Pada pandangan G.G. Iggers, Ranke telah gagal mengakui bahawa beliau, seperti ahli sejarah lain, tidak terlepas daripada masalah pilihan perspektif dan pilihan fakta dalam menjalankan kajian-kajiannya. Apakah, pada pandangan anda, ini bermaksud bahawa persembahan fakta tulen seperti yang diidamkan oleh Ranke adalah satu keunggulan yang tidak mungkin tercapai dalam kajian sejarah?

-ooo000ooo-